



" SYA'BAN BULAN MERAIH GANJARAN PAHALA "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِسْلَامِ
وَالْإِيمَانِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ
وَأَيَّيَ بَتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan ke hadrat Allah SWT supaya hidup kita selamat di dunia dan di akhirat. Hari ini kita sedang berada di bulan Sya'ban yang mulia. Insya Allah pada Bulan hadapan kita akan berpuasa selama sebulan, kerana menjunjung perintah Allah SWT untuk mendapatkan keampunan dan keredhaan daripada-Nya.

Apabila sampai malam 15 Sya'ban yang dikenali juga dengan "Malam Nisfu Sya'ban", para ulama' yang mengikuti fahaman ahli sunnah wal jamaah biasanya melakukan pembacaan surah Yasin 3 kali selepas solat fardhu Maghrib. Mereka memperbanyakkan doa untuk kebaikan diri dan seluruh umat Islam baik secara individu atau secara berjemaah, dengan harapan agar diberi ketetapan iman dan Islam, rezeki yang luas dan umur yang panjang serta mati dalam husnulkhathimah.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dinamakan bulan Sya'ban kerana padanya terdapat kebajikan yang amat banyak. Oleh itu, untuk mendapatkan kemuliaan dan ketinggian, seseorang itu mestilah banyak melakukan amal kebajikan, supaya dengan yang demikian, hati kita akan tunduk, jinak dan mudah menerima cahaya hidayah Allah SWT.

Pada malam Nisfu Sya'ban, buku catatan amal kita akan diangkat ke langit oleh para malaikat (Raqib dan Atid). Apabila tiba waktu perhitungan amalan, buku itu akan dipergunakan sebagai saksi bagi setiap manusia.

Menurut sejarah, antara peristiwa-peristiwa besar yang berlaku dalam bulan Sya'ban ialah Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w. supaya mengubah arah qiblat bagi kaum muslimin, yang



sebelumnya menghadap ke Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis bertukar ke arah Masjid al-Haram (Kaabatul Musyarrafah) di negeri Mekah al-Mukarramah.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Al-Quran menjelaskan kepada kita bahawa, perhitunagn amalan manusia atau hisab itu dilaksanakan oleh Allah SWT dengan beberapa cara, antaranya;

Pertama : Perhitungan amalan dihisab melalui soal jawab.

Setiap insan akan ditanya segala tingkah laku yang diperbuatnya di dunia, baik yang lahir mahupun yang tersembunyi, yang kecil mahupun yang besar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 92-93;

فَوَرَبِّكَ لَنَسْأَلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ۖ عَمَّا
كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Demi Tuhan-Mu! Kami pasti akan menyoal mereka. Mengenai apa yang mereka telah lakukan".

Kedua : Perhitungan amalan dihisab dengan pembacaan buku catatan.

Allah SWT telah menugaskan beberapa malaikat-Nya kepada setiap manusia untuk mencatat segala amalan yang baik atau yang buruk, dalam keadaan



sedar atau lupa, dalam keadaan bergurau atau bersungguh-sungguh, sehingga nafas yang turun naik dan rintihan kalbu pun dicatat juga.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Infithar ayat 10-11;

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ ﴿١٠﴾ كِرَامًا كَتِبِينَ



"Dan sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasi segala perilaku kamu. (Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah) yang ditugaskan menulis (amalan-amalan kamu)".

Ketiga : Perhitungan amalan dihisab dengan memperdengarkan rakaman.

Rakaman setiap perbuatan atau perkataan yang pernah diucap disepanjang hayat ketika di dunia.

Firman Allah SWT dalam surah al-Jatsyiah ayat 29;

هَذَا كِتَابُنَا يَنْطِقُ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ إِنَّا كُنَّا ﴿٢٩﴾ نَسْتَنْسِخُ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

"Inilah surat (kirab catatan malaikat) Kami, dia memberi keterangan terhadap kamu dengan yang benar,



kerana sesungguhnya Kami telah (perintahkan malaikat) menulis segala yang kamu telah lakukan (di dunia dahulu)".

Keempat : Perhitungan amalan dihisab dengan mempamerkan semula segala amalan.

Setiap orang akan menyaksikan sendiri apa sahaja yang pernah dilakukan sepanjang hayatnya melalui tayangan itu. Walaupun perbuatan-perbuatan itu dilakukan dengan tersembunyi di tempat yang gelap atau terang-terangan, baik yang kecil mahupun yang besar akan tetap dapat didedahkan juga sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Zalzalah ayat 6;

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا
أَعْمَالَهُمْ

"Pada hari itu manusia akan keluar (dari kuburnya) dalam keadaan yang bermacam-macam, untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) bagi setiap amalan mereka".

Menurut riwayat, ketika Rasulullah s.a.w. menyampaikan wahyu ini kepada umat manusia, maka ramai di antara para sahabat Baginda, menangis teresak-esak. Ini adalah kerana mereka merasakan begitu banyak kejahatan yang telah mereka lakukan. Di



antara para sahabat Nabi yang paling sedih, adalah Umar bin Khattab r.a., beliau terasa malu apabila perbuatan-perbuatannya yang hina dan nista itu dipertontonkan oleh Allah S.W.T. kepada seluruh makhluk.

Kelima : Perhitungan amalan dihisab melalui timbangan.

Seluruh amalan yang pernah dilakukan oleh setiap manusia dalam hidupnya, akan ditimbang dengan satu timbangan besar. Demikianlah penjelasan masalah terjadinya hisab. Mudah-mudahan dengan penjelasan ini, boleh meningkatkan keinsafan dan menambah amal kita untuk lebih bertaqwa kepada Allah S.W.T. dan menebus dosa-dosa yang telah kita lakukan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Antara amalan yang sering dilakukan oleh para ulama' pada bulan Sya'ban adalah seperti berikut:-

Pertama : Berpuasa.

Saidatina Aisyah r.a. berkata bahawa;

"Tidak pernah Rasulullah s.a.w. berpuasa lebih banyak daripada bulan Sya'ban (selain bulan Ramadhan).

(Riwayat Bukhari)



Saidina Zaid r.a berkata bahawa:

"Aku telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., "Ya Rasulullah, aku tidak pernah menyaksikan seumpama puasamu di bulan Sya'ban dengan lain-lain bulan kecuali bulan Ramadhan". Rasulullah s.a.w. bersabda;

"Itulah bulan Sya'ban di mana manusia lalai mengenainya iaitu antara bulan Rejab dan Ramadhan, ia adalah bulan di mana segala amalan diangkat kepada Allah Tuhan sekalian alam. Maka aku sangat suka sekiranya amalanku diangkat sedangkan pada masa itu aku dalam keadaan berpuasa".

(Riwayat Ahmad)

Kedua : Beristighfar, berselawat dan berzikir.

Oleh kerana bulan Sya'ban adalah bulan yang sangat mulia di sisi Allah S.W.T. dan rasul-Nya, maka wajarlah kiranya sepanjang bulan itu kita memperbanyakkan ibadah seperti beristighfar, berselawat kepada nabi, berzikir serta bertasbih.

Ketiga : Memperbanyakkan membaca al Quran dan bersedekah.

Daripada Anas bin Malik r.a. katanya; sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. apabila mereka melihat anak bulan dipermulaan bulan Sya'ban, mereka bersungguh-sungguh membaca al-Quran. Di samping itu, umat Islam dianjurkan mengeluarkan sedekah kepada fakir miskin



supaya golongan yang tidak bernasib baik ini akan memiliki kekuatan untuk menyambut kedatangan bulan Ramadhan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Kesempatan yang baik di bulan Sya'ban ini, marilah kita muhasabah diri dan menilai amalan-amalan yang sering kita lakukan, walaupun amalan itu tidak salah menurut Islam. Contohnya, amalan kenduri bulan Sya'ban; walaupun terdapat unsur bersedekah, seperti memberi jamuan kepada tetamu dan bertahlil, tetapi yang paling afdal ialah memberi jamuan berbuka puasa kepada orang yang berpuasa, lebih-lebih lagi puasa Ramadhan. Justeru, janganlah menjadikan kenduri Sya'ban itu sebagai perkara wajib, kerana kadangkala ia boleh mendatangkan budaya pembaziran apabila beberapa rumah membuat kenduri pada hari yang sama.

Demikian juga dalam menentukan ziarah kubur pada bulan Sya'ban. Amalan tersebut bukanlah suatu perkara yang wajib, kerana menziarahi kubur hukumnya sunat pada bila-bila masa.

Justeru, kita hendaklah segera bertaubat dengan memberhentikan semua kegiatan maksiat yang telah dilakukan, di samping memohon keampunan daripada Allah SWT. Marilah kita menunaikan tiap-tiap yang diwajibkan, di samping menjalankan tanggungjawab amar makruf dan mencegah kemungkaran. Semoga kita termasuk dalam golongan orang-orang yang bertaqwa.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
* وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

"Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa".
(Ali-'Imran : 133)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فی
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِیَةِ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.